


PM umum tambah baik sistem penyampaian awam 13 April

UM - 23/3/2007
Oleh FAUZI JAAFAR



ABDULLAH Ahmad Badawi menyatakan kepada Pengarah Urusan Khazanah Nasional, Datuk Azman Mokhtar (kanan) sambil diperhatikan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pada Persidangan Invest Malaysia 2007 di Hotel Shangri-la, Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar DJOHAN SHAHRIN SHAH

KUALA LUMPUR 22 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membuat pengumuman penting pada 13 April ini mengenai langkah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Perdana Menteri berkata, sistem penyampaian perkhidmatan awam sangat penting dalam pembangunan negara ini terutama dalam meningkatkan lagi kemasukan pelaburan.

Kata beliau, adalah penting penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam terus ditekankan pada setiap masa kerana ia merupakan antara matlamat penting kerajaan.

"Pada 13 April ini, saya akan membuat pengumuman penting terhadap penambahbaikan sistem penyampaian awam yang turut melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT)," kata beliau dalam ucapan Persidangan Invest Malaysia 2007 di sini, hari ini.

Persidangan selama dua hari itu yang bermula semalam, dihadiri pelabur, pengurus dana, penganalisis dan tokoh perniagaan serta syarikat milik kerajaan (GLC).

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan dan pertumbuhan negara akan semakin bergantung kepada modal insan yang berkualiti tinggi.

Menurut beliau, bagi tujuan tersebut kerajaan melancarkan Pelan Rangka Pembangunan Pendidikan bertuju-

an meningkatkan kemampuan intelektual, kreativiti dan nilai generasi muda rakyat Malaysia.

"Kerajaan akan menentukan bahawa hubungan rapat industri-akademik dijalin di peringkat pendidikan tinggi dan graduan kita dilengkapi kemahiran yang sesuai dengan kehendak pasaran," katanya.

Oleh itu, jelas beliau, usaha dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi akan turut dipertingkatkan.

Abdullah berkata, dalam membuat perubahan, sama ada berbentuk tindakan jangka sederhana atau jangka panjang, pendirian kerajaan adalah berdasarkan kepada lima teras Misi Nasional dan didorong oleh matlamat untuk mencapai Wawasan 2020.

"Ya memerlukan satu komitmen yang kuat ke arah membangunkan negara," katanya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus bekerja keras untuk menunaikan segala janjinya kepada rakyat.

Tahun 2007 akan menjadi satu pengukur utama dalam menentukan tahap pertumbuhan dan perubahan bagi masa depan negara, kata beliau.

"Saya percaya tahun 2007 akan menjadi satu lagi tahun kejayaan kepada Malaysia, insya-Allah.

"Azam kita kuat, kita sudah ada hala tuju, kita punyai iltizam dan kita bertekad untuk berusaha mencapai kejayaan," tegas beliau.